



NAMA PERNIAGAAN : A.H.R AIRCOND SERVICE

**BIDANG PERNIAGAAN : Perkhidmatan Pemasangan, Servis &
Pembaikan Alat Penyaman Udara**

NAMA PEMILIK : Mohd Zulshafiz bin Zain

NO. KAD PENGENALAN : 870404-09-5093

**ALAMAT OPERASI : 3A, Jalan Tenaga Baru, Kampung Behor Temak,
01000 Kangar, Perlis.**

TARIKH : 13 Febuari 2026



1. MAKLUMAT PERNIAGAAN

Nama perniagaan : A.H.R Aircond service

Jenis perniagaan : Pemilikan Tunggal

Bidang perniagaan : Perkhidmatan pemasangan, penyelenggaraan dan pembaikan alat Penyaman Udara.

Alamat Operasi : 3A, jalan tenaga baru kampung behor temak, 01000 Kangar Perlis.

Tarikh Mula Operasi : Mac 2016

No. Pendaftaran (SSM) : 202603033339 (PG0583073-A)

Nama PEMILIK : Mohd zulshafiz bin zain

2. RINGKASAN PERNIAGAAN

A.H.R aircond service merupakan sebuah perniagaan yang menawarkan perkhidmatan berkaitan penyaman uadar termasuk pemasangan, penyelenggaraan serta pembaikan aircond bagi kediaman dan premis perniagaan. Perniagaan ini beroperasi di sekitar kangar, Perlis serta kawasan berhampiran di negeri Kedah, selaras dengan permintaan pasaran yang berterusan terhadap perkhidmatan aircond.

Selain perkhidmatan pemasangan dan penyelenggaraan, perniagaan ini turut menyediakan perkhidmatan pembaikan aircond serta penyelenggaraan berkala melalui kontrak bulanan atau tahunan. Perkhidmatan ini bertujuan memastikan sistem penyaman udara pelanggan sentiasa berada dalam keadaan baik, berfungsi dengan optimum dan memepunyai jangka hayat yang lebih panjang.

Dengan strategi perkhidmatan yang berfokuskan pelanggan serta pengurusan operasi yang teratur, A.H.R Aircond service berpotensi untuk berkembang secara stabil dan berdaya saing dalam industri perkhidmatan penyaman udara.



3. PRODUK / PERKHIDMATAN

Perkhidmatan	Penerangan
Pemasangan aircond	Pemasangan unit penyaman udara bagi kediaman dan premis perniagaan
Servis penyelenggaraan	Servis penyelenggaraan aircond untuk memastikan sistem berfungsi dengan baik
Pembaikan aircond	Kerja pembaikan aircond dan penyelesaian masalah unit yang mengalami kerosakan atau kurang penyejukan
Servis berkala	Penyelenggaraan aircond secara berkala melalui kontrak bulanan atau tahunan
Chemical wash Aircond	Perkhidmatan pembersihan menyeluruh menggunakan bahan khas bagi meningkatkan prestasi, kecekapan dan jangka hayat unit aircond.

4. ANALISIS PASARAN

Permintaan terhadap perkhidmatan pemasangan dan servis penyaman udara adalah tinggi dan berterusan, terutamanya di negeri Perlis dan Kedah yang beriklim panas sepanjang tahun. Keperluan penyelenggaraan aircond secara berkala juga menunjukkan peningkatan dalam kalangan pengguna.

Sasaran pelanggan A.H.R Aircond service terdiri daripada pemilik rumah, penyewa,



kedai makan, pejabat serta premis perniagaan kecil di sekitar Perlis dan kawasan berhampiran di negeri Kedah.

Pada masa hadapan, perniagaan ini berpotensi untuk memperluaskan perkhidmatan ke kawasan lain di negeri-negeri utara sejajar dengan pertumbuhan permintaan dan perkembangan perniagaan.

5. STRATEGI PEMASARAN

Strategi pemasaran A.H.R aircond service dijalankan melalui penggunaan media sosial seperti Facebook dan whatsapp bagi mempromosikan perkhidmatan kepada pelanggan setempat. Selain itu, promosi dari mulut ke mulut (word of mouth) turut menjadi strategi penting dalam menarik pelanggan baharu.

Perniagaan ini juga menawarkan harga yang berpatutan, respon yang pantas serta perkhidmatan berkualiti bagi mengekalkan pelanggan sedia ada dan membina kepercayaan pelanggan dalam jangka masa panjang.

6. OPERASI PERNIAGAAN

LOKASI OPERASI	Operasi dijalankan secara bergerak (mobile) di lokasi pelanggan.
WAKTU OPERASI	Waktu operasi adalah fleksibel bergantung kepada pelanggan.
PERALATAN & BEKALAN	Perniagaan menggunakan peralatan kerja sendiri manakala alat ganti diperoleh daripada pembekal tempahan.
PROSES OPERASI	Proses kerja melibatkan penerimaan tempahan pelanggan, lawatan ke lokasi, pelaksanaan kerja servis atau pemasangan, diikuti ujian fungsi dan serahan kepada pelanggan.



7. PENGURUSAN & TENAGA KERJA

A.H.R Aircond service diuruskan oleh pemilik, Mohd Zulshafiz bin Zain, yang bertanggungjawab terhadap operasi perniagaan serta pengurusan pelanggan. Operasi harian turut dibantu oleh pekerja yang menjalankan kerja pemasangan dan penyelenggaraan aircond bagi memastikan perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkualiti.

Kerjasama yang baik antara pemilik dan pekerja membantu memastikan setiap tempahan pelanggan dapat disiapkan dengan lancar disamping mengekalkan tahap kepuasan pelanggan.

8. RANCANGAN KEWANGAN

Rancangan kewangan A.H.R aircond service merangkumi anggaran kos operasi serta unjuran pendapatan bulanan berdasarkan perkhidmatan pemasangan, penyelenggaraan dan pembaikan aircond. Pendapatan perniagaan dijana melalui kerja pemasangan unit baharu, servis penyelenggaraan, serta kontrak penyelenggaraan berkala.

Perbelanjaan utama perniagaan melibatkan pembelian peralatan, alat ganti, kos pengangkutan dan bahan operasi. Dengan pengurusan kewangan yang teratur dan kawalan kos yang baik, perniagaan ini berpotensi menjana pendapatan yang stabil serta berkembang secara berterusan.

9. RISIKO DAN LANGKAH KAWALAN

Antara risiko yang dijangka dalam perniagaan perkhidmatan penyaman udara ialah persaingan daripada penyedia perkhidmatan lain, perubahan harga alat ganti, serta ketidakstabilan jumlah pelanggan pada Muslim tertentu. Risiko lain termasuk kemungkinan kelewatan kerja, masalah teknikal, dan ketidakpuasan pelanggan.

Bagi mengurangkan risiko tersebut, perniagaan akan mengekalkan harga yang berpatutan dan kompetitif, memastikan kualiti perkhidmatan yang konsisten, serta memberi penekanan kepada layanan pelanggan yang baik. Perniagaan juga akan merancang pembelian alat ganti dengan lebih sistematik bagi mengawal kos. Selain itu, peningkatan kemahiran dan kecekapan kerja akan diberi perhatian bagi memastikan kerja disiapkan dengan baik dan mengurangkan aduan pelanggan.



10. PENUTUP

Perniagaan A.H.R Aircond service mempunyai potensi yang baik sejajar dengan permintaan perkhidmatan pemasangan dan servis aircond yang berterusan. Dengan pengurusan yang teratur, perkhidmatan yang berkualiti serta harga yang berpatutan, perniagaan ini berupaya berkembang secara stabil.

Melalui pengurusan operasi yang teratur dan strategi perkhidmatan yang berfokuskan pelanggan, A.H.R Aircond service berkeyakinan untuk menjana pendapatan yang mampan serta berdaya saing. Perniagaan ini komited untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan demi memastikan kepercayaan dan kepuasan pelanggan sentiasa terpelihara.

